

Malaysia terus bantu PBB dalam misi keamanan — Dr. Mahathir

UM 29 SEP 2001

KUALA LUMPUR 28 Sept. — Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad berkata Malaysia akan terus membantu Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB) dalam sebarang misi keamanan selagi keadaan negara mengizinkan.

Menurut Perdana Menteri, Malaysia sedia membantu kerana buat masa ini negara mampu dari segi kewangan dan kebolehan.

“Kalau kita tidak mampu memperkaya dan membangunkan negara, kita hanya mampu simpati sahaja tetapi tidak boleh berbuat apa-apa.

“Dan kita akan teruskan (bantuan ini) jika dikohendaki oleh PBB,” katanya pada majlis pelancaran buku *Malbatt dan Malcon di Bosnia-Herzegovina: Imbasan Kembali* di Kementerian Pertahanan di sini, hari ini.

Buku setebal 171 muka surat terbitan Markas Tentera Darat itu menceritakan pengalaman pegawai ATM yang menganggotai Malbatt (Batalion Malaysia) dan Malcon (Kontinjen Malaysia) yang terlibat dalam misi pengaman di Bosnia-Herzegovina.

Dr. Mahathir berkata, memandangkan banyak pembunuhan dan penganiayaan berlaku di dunia, tidak banyak negara yang mampu membantu.

Katanya, sesetengah negara mungkin kaya tetapi tidak berupaya untuk membantu disebabkan mereka kekurangan kemahiran.

Sebaliknya, tegas Dr. Mahathir, sekiranya Malaysia miskin, pihak lain akan mempermainkan, memandang hina dan tidak menghormati negara ini.

Beliau berkata, ketika berlaku penganiayaan dan pembunuhan terhadap masyarakat Islam di Bosnia, banyak negara besar tidak berbuat apa-apa untuk menghentikan penindasan itu melainkan bermesyuarat berminggu-minggu.

Bagaimanapun, katanya, Malaysia segera menyambut permintaan PBB untuk menghantar pasukan pengaman atas prinsip membantu mereka yang teraniaya tanpa mengira kaum dan agama.

Jelas beliau, ketika PBB memberhentikan pembiayaan kepada pasukan pengaman, banyak negara yang terpaksa menarik balik tentera masing-masing.

“Tetapi bagi Malaysia, kita tidak tarik balik tentera kita kerana kita ada peruntukan dan kemampuan sendiri dalam mengendalikannya.

“Walaupun kontinjen Angkatan Tentera Malaysia (ATM) seramai 1,500 tidak terlibat dalam pertempuran-pertempuran besar tetapi kita dapat menyelamatkan rakyat Bosnia khususnya orang Islam di tempat kita ditugaskan,” katanya.

Beliau berkata, kira-kira 200,000 termasuk orang awam terutama orang Islam di Bosnia telah dibunuh dan dianyai, tetapi tidak banyak negara yang menghulurkan bantuan.

Katanya, anggota tentera Malaysia telah terlibat dalam misi pengaman PBB sejak sekian lama.

Beliau berkata, ia bermula di Kongo, Kemboja, Somalia dan terakhir di Bosnia dan anggota tentera Malaysia diterima masyarakat tempatan kerana sikap profesionalisme, kecekapan dan tahap disiplin mereka yang tinggi.

Dr. Mahathir juga bangga kerana sehingga kini misi ATM di luar negara tidak pernah mencemar nama baik negara bahkan mendapat pengiktirafan tinggi.

“Untuk membangunkan negara kita perlu kepada keamanan, jika tidak mustahil dapat membangunkannya sebab itu kita menghargai peranan ATM yang menjaga keamanan negara.

“Mereka sanggup menghadapi musuh supaya negara selamat bagi membolehkan kita membangunkan negara untuk memberi khidmat yang lebih baik kepada rakyat sekali gus menjadikan orang Malaysia disegani seluruh dunia,” tambahnya.

Turut hadir, Menteri Pertahanan, Datuk Seri Najib Tun Razak dan timbalannya, Datuk Shafie Apdal, Panglima ATM, Jeneral Tan Sri Zahidi Zainuddin dan Panglima Tentera Darat, Jeneral Tan Sri Md. Hashim Hussein.